**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Biotech industry expands in Johor | The Malay Mail |
| 2. | Abdul Aziz kini Penasihat Khas Ketua Pengarah IAEA | Utusan Malaysia |
| 3. | RM30 juta diagih menerusi SUPERB | Berita Harian |
| 4. | Dana RM100 juta bantu Bumiputera | Harian Metro |
| 5. | Ministry: Trapped air pollutants cause of haze | The Star |
| 6. | Just misty on the bridge | The Malay Mail |
| 7. | Static weather makes it hazy | The Malay Mail |
| 8. | Suhu meningkat perlahan | Harian Metro |
| 9. | Lembah Klang catat pengurangan jarak penglihatan yang baik | Bernama.com |

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (BUSINESS) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)

# Biotech industry expands in Johor

**State's bioeconomy trigger projects expected to contribute more than RM100 million income**

SEVERAL proposed bioeconomy trigger projects (BTP) in Johor are expected to contribute more than RM100 million in terms of gross national income (GNI) by 2020.

Science, Technology and Innovation Ministry deputy secretary-general Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya said Johor could serve as the springboard for Malaysia's aspiration to become a global biotechnology hub and enhance the economic growth of the state.

"The swift development of the biotech industry in Johor has encouraged the establishment of biotech parks like Bio-XCell and the Bio-Desaru Organic Food Valley to facilitate the creation of an environment that is conducive for the industry to flourish in AgBiotech, BioIndustrial and BioMedical," he said.

He was speaking at the Bioeconomy Transformation Programme workshop in Johor Baru yesterday.

The two-day workshop was organised by Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) in collaboration with Johor Biotechnology (J-Biotech) and Biodiversity Corporation aimed at identifying potential commercial opportunities in bio-based industries in Johor that could be included under the BTP.

The workshop, which attracted over 150 participants from various sectors and agencies, have successfully identified proposed BTP projects such as BioMedical, AgBiotech and BioIndustrial.

Subsequent to this, a detailed action plan and economic impact for each trigger projects will be validated further during the lab sessions in March.

J-Biotech, the lead agency in the development of Johor's biotechnology, is intensifying efforts to create a conducive ecosystem in the state that will attract investors with proven technologies and high-value activities to develop a robust bio-based industry in the state.



WAN AMIR: BTP workshop and lab will produce a BTP roadmap

J-Biotech chief executive officer Wan Amir Jeffery said the workshop and lab would see the government working with the industry to facilitate this process.

"The BTP workshop and lab will produce a BTP roadmap which will complement Johor Biotechnology Master Plan which is currently being reviewed," he said.

The government targets the BTP to contribute RM43 billion to Malaysia's GNI by 2020, draw investments worth RM15 billion into the country while creating 160,000 new high quality job opportunities for Malaysians.

J-Biotech's other functions include:

➔ establishing cooperation with or acting as agent in association with or on behalf of the government, public authorities, companies, corporations and individuals

➔ promoting and coordinating biotechnology and biodiversity activities by the government, local authorities, public authorities, companies, corporations and individuals

➔ establishing and expanding or encouraging the establishment or expansion of companies, corporations or other bodies in carrying out biotechnology and biodiversity activities; and

➔ registering, regulating and supervising corporations by providing provisions for important or reasonable matters through the exercise of powers and discharge of duties. — Bernama

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21**
**TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)**

# Abdul Aziz kini Penasihat Khas Ketua Pengarah IAEA

PUTRAJAYA 27 Jan. - Malaysia terus mendapat pengiktirafan apabila bekas Ketua Pengarah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), Datuk Raja Abdul Aziz Raja Adnan **(gambar)** dilantik sebagai Penasihat Khas kepada Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), Yukiya Amano.



Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam kenyataannya di sini hari ini menyebut, dengan pelantikan tersebut, Abdul Aziz akan bertanggungjawab membantu Yukiya Amano dalam hal penyelarasan dasar dan pelaksanaan bagi tempoh tiga tahun bermula tahun ini.

Abdul Aziz berkhidmat sebagai Ketua Pengarah AELB bermula 24 Julai 2006 hingga 2 Januari 2014 dan beliau telah memainkan peranan penting di dalam negara serta di peringkat antarabangsa.

Pada 2011, beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Penasihat Ketua Pengarah IAEA mengenai Keselamatan Nuklear yang juga merupakan kumpulan pakar rujuk antarabangsa terkemuka di peringkat global.

Abdul Aziz juga sering bertindak sebagai wakil Malaysia ke beberapa misi antarabangsa dan penasihat kepada delegasi Malaysia ke Persidangan Kajian Triti Ketakcambahan Senjata Nuklear.

Menurut kenyataan itu lagi, dua individu lain turut dilantik menganggotai jawatan kanan di IAEA iaitu bekas Pengerusi AELB, Prof. Emeritus Datuk Dr. Noramly Muslim sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kerjasama Teknikal dan bekas Anggota Lembaga AELB, Datuk Dr. Daud Mohamad dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Sains Nuklear dan Aplikasi.

Sementara itu, Pengarah Penguatkuasaan AELB, Hamrah Mohd. Ali dilantik sebagai Ketua Pengarah AELB yang baharu bagi mengantikan Abdul Aziz.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)




Dari kiri Muhyiddin, Najib dan Abdul Wahid **menunjukkan geran SUPERB** selepas mempengerusikan mesyuarat MEB di Putrajaya, semalam. [FOTO BERNAMA]

# RM30 juta diagih menerusi SUPERB

**Dari muka 1**

Untuk tahun ini beliau berkata, sebanyak RM30 juta daripada jumlah dana yang diperuntukkan itu akan diagih kepada syarikat permulaan Bumiputera yang layak.

"SUPERB terbuka kepada Bumiputera yang ingin menjadi usahawan atau syarikat Bumiputera yang beroperasi kurang daripada tiga tahun.

"Pemilihan usahawan yang layak akan dilakukan Jawatankuasa Pemilihan SUPERB yang dianggotai sekumpulan panel usahawan yang berjaya dalam perniagaan masing-masing," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) di Putrajaya, semalam.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, nama ahli panel SUPERB akan diumumkan dalam jangka terdekat.

Beliau berkata, kira-kira 300 usahawan Bumiputera baru dalam kalangan belia dijangka meraih manfaat daripada skim itu.

SUPERB adalah satu daripada tiga inisiatif bantuan kewangan di bawah Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang dilancarkan Perdana Menteri pada September lalu.

Mengulas lanjut mengenai SUPERB, Ketua Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Husni Salleh, berkata skim itu diperkenalkan sejajar usaha kerajaan membina komuniti baru usahawan Bumiputera berdaya saing, inovatif dan berani mengambil risiko, bagi memastikan kelangsungan agenda Bumiputera dalam bidang strategik.

Beliau berkata, antara industri menjadi tumpuan ialah teknologi komunikasi, multimedia kreatif, pembangunan kandungan, pembangunan perisian untuk sektor Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), pertanian, pembuatan, pembinaan, bioteknologi dan teknologi hijau.

**Kriteria SUPERB**

"Antara kriteria utama diperlukan untuk menyertai program SUPERB ialah sekurang-kurangnya 60 peratus pegangan kepentingan dalam syarikat dimiliki Bumiputera; Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif adalah Bumiputera dan syarikat baru atau syarikat yang sudah beroperasi kurang daripada tiga tahun," katanya sambil menambah bahawa syarikat pertama yang layak untuk menyertai SUPERB akan diumumkan pada hujung Mac atau awal April ini.

Husni berkata, geran diberikan secara berperingkat sehingga RM500,000 kepada syarikat Bumiputera yang layak mengikut keperluan dan kemajuan perniagaan mereka.

Katanya, TERAJU akan bekerjasama dengan agensi pembiayaan syarikat permulaan lain seperti Cradle Fund Sdn Bhd, Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP), Multimedia Development Corporation (MDeC), MyCreative Ventures Sdn Bhd, Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd dan Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) bagi memantapkan lagi pelaksanaan skim itu.

"Pengumuman syarikat Bumiputera yang layak akan dibuat setiap sukuan. Kita juga akan membuat ranking yang memperlihatkan syarikat Bumiputera yang mempunyai idea inovati dan kreatif yang terbaik," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14
TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)




NAJIB bersama ahli-ahli Majlis Ekonomi Bumiputera menunjukkan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera di Bangunan Perdana Putra, semalam.

# Dana RM100 juta bantu Bumiputera

**Kuala Lumpur:** Kerajaan melancarkan program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dengan dana sebanyak RM100 juta bagi tempoh tiga tahun untuk membantu usahawan muda Bumiputera kreatif dan inovatif bertapak dalam perniagaan.

SUPERB diletakkan di bawah pengurusan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) menyediakan geran sehingga RM500,000 kepada syarikat Bumiputera yang baru ditubuhkan atau beroperasi kurang daripada tiga tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU Husni Salleh berkata, sebanyak RM30 juta sudah diperuntukkan untuk tahun ini dengan sasaran untuk melahirkan 60 syarikat Bumiputera pada tahun pertama pelancaran skim berkenaan.

"Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada kelompok usahawan Bumiputera dan membantu syarikat-syarikat kecil untuk mencari tempat dalam perniagaan," katanya.

**FAKTA**
SUPERB akan disokong oleh enam agensi kerajaan

Husni berkata, fokus industri untuk SUPERB antaranya sektor teknologi komunikasi, multimedia kreatif, perisian, teknologi baru berkaitan pembuatan dan pembinaan, bioteknologi, teknologi tenaga, elektronik dan semikonduktor dan teknologi hijau.

Beliau berkata SUPERB akan disokong oleh enam agensi kerajaan iaitu Cradle Fund Sdn Bhd, Malaysian Technology Development Corporation, MyCreative Venture Sdn Bhd, Malaysia Venture Capital Management Bhd, Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd dan Multimedia Development Corporation.

"Usahawan yang berminat untuk memohon SUPERB perlu berumur 18 tahun hingga 40 tahun sementara bagi syarikat atau perkongsian mesti 60 peratus kepentingan dimiliki oleh Bumiputera dan diketuai oleh Bumiputera," katanya. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)

# Ministry: Trapped air pollutants cause of haze

**PETALING JAYA:** The haze that has been hovering over Klang Valley is actually fine particles from air pollutants that are unable to disperse due to dry weather conditions, said the Natural Resources and Environment Ministry.

It said in a statement yesterday that the air pollutants were released into the atmosphere from various human activities, including vehicle fumes, land development and construction activities.

"There have been no cases of open burning that could jeopardise the air quality in the Klang Valley. The current haze is a weather phenomenon and will not affect the public's health," it said.

The ministry said based on a report by the Meteorological Department, wind flow in Peninsular Malaysia over the past few days had been slow at around 10kph.

The department also reported that several areas in the Klang Valley, including Hulu Selangor, Klang, Kuala Selangor, Petaling Jaya and Sepang had not received rainfall for five consecutive days since Jan 22.

"Weather factors and Klang Valley's topography caused the fine particles to be caught in the air space and were unable to disperse quickly," it said.

The ministry also assured the public that the Department of Environment (DOE) was keeping a close eye on the air quality readings throughout the country, and had activated its plan to prevent open burning in all states.

It said DOE was also increasing its efforts to prevent peat fires, so it could ensure that no local sources were causing the worsening air quality and haze.

*The Star* had reported that visibility readings worsened in various parts of the country on Sunday, with Petaling Jaya and Kuala Pilah in Negri Sembilan recording visibility readings of up to 4km.

Normal visibility levels are from a range of 10km and further.

Members of the public have also been reminded not to carry out open burning because of the current dry weather and northeasterly winds and to put out any small fires besides reporting any cases of open burning.

The Fire and Rescue Department's hotline is 999 while DOE's hotline is 1-800-88-2727.

**KERATAN AKHBAR**
**THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 08**
**TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)**

# Just misty on the bridge



**VANISHING SIGHT: The mist covering most parts of the island as the Penang Bridge looks like disappearing towards the end yesterday**

PENANGITES need not worry about the hazy condition on the Penang Bridge as the haze has not returned.

A check at 9am yesterday revealed the bridge was barely visible from the island. However, the Penang Meteorological Department assured it was only mist.

"Usually, the mist is formed early in the morning from 5am or in the evening due to water vapour in the air.

"When the water vapour condenses in the atmosphere, it forms clouds that may look like haze.

"But the public has nothing to worry because the mist will disperse after a few hours."

For the past two weeks, the northern region, especially Perlis, has experienced an unusually cold weather due to strong winds from the northeast monsoon.

Penangites are also enjoying cool breeze as people were noticeably dressed in warm clothings, especially in the evening.

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)

# Static weather makes it hazy

THE Meteorological Department attributed the haze — currently affecting the Klang Valley and several other towns nationwide — to static weather conditions which have caused vehicle emission particles to be trapped in the air.

"For the past few days, low-level winds over most parts of the peninsula have been very light, with speeds of about 10km/h," the department said in a statement.

"These light winds, together with fair and stable weather conditions, have caused dry haze particles to remain trapped in the atmosphere.

"The situation is more significant in urban areas probably due to the large amount of combustion emissions from various sources."

According to the department's Air Pollution Index (API), the worst affected places yesterday were Kuala Lumpur 94, Shah Alam (87) and SK Jalan Pegoh, Ipoh (76).

Good air was rated between 0 and 50, moderate (51-100), unhealthy (101-200), very unhealthy (201-300) and hazardous (301 and above).

Pollution scientist Prof Dr K. Narayanan had, in *The Malay Mail* yesterday, said the massive coal burning due to freezing conditions in China could have contributed to the hazy situation in Malaysia as soot were brought by the winds to the region.

On Jan 23, the department affirmed winds from China had caused a drop in temperature in several places in Malaysia. Among them were Batu Embun (22°C), Chuping (22°C), Kuantan (21°C), Kota Baru (20°C) and Kuala Krai (19°C).

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri G. Palanivel yesterday said his ministry had yet to figure out the exact cause of the haze but was currently "looking into it".

"We are also looking into preventing the situation from getting worse," Palanivel said.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 28
TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)

# Suhu meningkat perlahan

**Kuala Lumpur:** Bagi kawasan tanah rendah negara ini hanya di Muadzam Shah, Pahang saja yang mencatatkan rekod bacaan suhu minimum di bawah 20 darjah Celsius semalam.

Berdasarkan rekod Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), stesen berkenaan mencatat bacaan 19.4 darjah Celsius iaitu meningkat 0.1 darjah Celsius berbanding 19.3 darjah Celsius kelmarin.

Dalam pada itu, sehingga jam 6 petang rekod jabatan di 43 stesen lain semalam menunjukkan kebanyakan kawasan yang mencatatkan suhu 19 hingga 24 darjah Celsius kelmarin mula meningkat dengan purata kenaikan antara 0.2 darjah hingga dua darjah Celsius.

Enam kawasan masih merekodkan bacaan suhu minimum 21 darjah Celsius ke bawah iaitu Alor Setar (20.2), Batu Pahat (20.7), Keningau (20.1), Kuala Krai (20.0), Kuching (20.9) dan Senai (20.5).

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 28 JANUARI 2014 (SELASA)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Lembah Klang Catat Pengurangan Jarak Penglihatan Yang Baik

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Beberapa kawasan di Lembah Klang yang mengalami keadaan udara kelihatan berjerebu petang semalam telah mencatatkan pengurangan jarak penglihatan yang baik hari ini.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam kenyataan hari ini berkata laporan cuaca oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menyatakan kawasan tersebut iaitu Sepang, Petaling Jaya dan Subang mencatatkan pengurangan jarak penglihatan yang baik iaitu melebihi 10 kilometer berbanding sejauh empat kilometer hingga lapan kilometer pada 5 petang semalam.

Katanya pengurangan jarak penglihatan yang menyebabkan ruang udara kelihatan berjerebu itu disebabkan kehadiran habuk halus atau partikel udara yang terampai dalam keadaan cuaca semasa yang kering.

"Habuk halus atau partikel udara yang terampai merupakan bahan pencemar yang dilepaskan ke atmosfera daripada pelbagai punca aktiviti manusia, antaranya pelepasan kenderaan bermotor, perindustrian, aktiviti pembangunan tanah dan pembinaan.

"Sehingga kini, tiada sebarang pembakaran terbuka yang boleh menjejaskan kualiti udara berlaku di kawasan Lembah Klang," katanya.

Menurut kenyataan itu, berdasarkan laporan METMalaysia, sejak beberapa hari lalu, pergerakan angin di kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia adalah perlahan dengan halaju 10km sejam dan keadaan atmosfera adalah stabil.

"Faktor-faktor cuaca ini dan keadaan topografi kawasan Lembah Klang yang bercirikan lembah menyebabkan habuk halus atau partikel udara yang terampai terperangkap di ruang udara dan tidak dapat menyebar dengan cepat," katanya.

Katanya METMalaysia turut melaporkan beberapa kawasan di Lembah Klang iaitu daerah Hulu Selangor, Klang, Kuala Selangor, Petaling Jaya dan Sepang masih tidak menerima hujan melebihi lima hari berturut-turut sejak 22 Jan lepas.

Katanya bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) semalam adalah dalam keadaan baik dan sederhana di seluruh negara dan tiada kawasan yang mengalami bacaan IPU tidak sihat.

Sehubungan itu, katanya keadaan berjerebu yang dialami pada petang semalam merupakan fenomena cuaca biasa dan tidak menjejaskan kesihatan orang awam.

Menurut kenyataan itu, bacaan IPU yang direkodkan pada jam 11 pagi menunjukkan 28 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, manakala 24 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana.

Katanya Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengawasi dengan rapi status kualiti udara di seluruh negara dan telah mengaktifkan Pelan Tindakan Mencegah Pembakaran Terbuka di semua negeri.

Katanya JAS turut mempertingkatkan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard Program Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut Yang Mudah terbakar bagi mencegah dan mengawal sebarang punca tempatan yang boleh menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara dan jerebu.

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak melakukan atau menyebabkan pembakaran terbuka selain melaporkan kes-kes pembakaran terbuka kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan JAS di talian bebas tol 1-800-88-2727.

-- BERNAMA